

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Indeks harga simen semakin meningkat

Indeks harga simen semakin meningkat

KUALA LUMPUR - Indeks harga seunit simen meningkat 1.5 peratus pada Disember 2022 berbanding November 2022 dan mencatatkan peningkatan dua bulan berturut-turut, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, perbandingan bulan ke bulan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih juga menunjukkan peningkatan indeks harga seunit bagi beberapa bahan seperti simen, batu bata dan dinding, bahan paip dan cat untuk semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Menerusi kenyataan mengenai Indeks Kerja-kerja Pembinaan dan Struktur Disember 2022 yang dikeluarkan DOSM pada Isnin, beliau berkata, arang batu digunakan sebagai sumber tenaga utama dalam proses pembakaran untuk penghasilan simen, oleh itu kenaikan harga arang batu menjadi antara punca kenaikan harga bahan ini.

"Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa dalam laporan 'Coal Market 2022', pasaran arang batu pada 2022 telah terkesan akibat aliran perdagangan terganggu, harga yang me-



Kenaikan harga arang batu antara punca kenaikan harga simen kerana bahan itu digunakan sebagai proses bakar hasilkan simen.

ningkat tinggi dan permintaan telah meningkat sebanyak 1.2 peratus, mencapai paras tertinggi dan melepasi 8.0 bilion tan buat kali pertama.

"Berdasarkan permintaan yang dijangka kekal pada paras yang sama dalam beberapa tahun akan datang, harga arang batu akan terus meningkat pada 2023 dengan permintaan dijangka kekal tidak berubah sehingga 2025 apabila kemerosotan dalam pasaran matang diimbangi oleh permintaan kukuh berterusan dalam ekonomi sedang pesat membangun di negara-negara Asia," katanya.

Mohd Uzir berkata, selain itu, indeks harga seunit besi pula mencatatkan sedikit penurunan iaitu 0.4 peratus berbanding November 2022.

Beliau berkata, menurut *Trading Economics*, harga besi dijangkakan terus menurun kerana penguncupan dan risiko kredit yang tinggi untuk sektor hartanah di China yang seterusnya akan mengurangkan permintaan untuk input pembinaan dan perindustrian yang menggunakan bahan tersebut.

"Namun begitu, masih terdapat ketidakpastian pada harga pasaran yang mungkin memberi tekanan berterusan ke atas harga besi," katanya.

Menurut DOSM, perbandingan tahun ke tahun indeks harga seunit bahan binaan pula mencatatkan peningkatan di antara 1.8 dengan 11.8 peratus pada Disember 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun lepas.-Bernama